



2 Oktober 2017  
2 October 2017  
P.U. (A) 296

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KAMPUS) (CAWANGAN PAGOH) 2017

*UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(CAMPUS) (PAGOH BRANCH) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (KAMPUS)  
(CAWANGAN PAGOH) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Teknologi Malaysia (Kampus) (Cawangan Pagoh) 2017.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Mei 2017.

**Penubuhan Kampus**

2. Apabila Perintah ini mula berkuat kuasa—

(a) suatu Kampus bagi Universiti Teknologi Malaysia tertubuh;

(b) nama Kampus yang disebut dalam subsubperenggan (a) ialah “Universiti Teknologi Malaysia—Kampus (Cawangan Pagoh)”;

(c) Kampus yang disebut dalam subsubperenggan (a) bertempat di H.S. (D) 36667, PTD 14422, Mukim Jorak, Daerah Muar, Negeri Johor; dan

(d) *UTM Centre for Low Carbon Transport in Cooperation with Imperial College, London @ Pagoh', UTM Innovation Centre in Agritechnology for Advanced Bioprocessing, Malaysian Japan Advanced Research Centre* dan apa-apa Fakulti lain yang ditubuhkan bagi maksud Kampus yang disebut dalam subsubperenggan (a) hendaklah ditempatkan di Kampus itu.